



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
KENYATAAN TAWARAN BIL.:06/2021

TARIKH IKLAN : 25.01.2021

1. Petender adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA(SSM), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup Tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP / T / 08 / 2021	PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MEDINI BAGI TEMPOH 24 BULAN	-	KKM	221001	50.00

2. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan mulai **25.01.2021** hingga **22.02.2021** semasa waktu pejabat di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai, Johor.
3. Dokumen tender boleh dimuat turun dalam <http://eperolehan.mbip.gov.my> selepas pembayaran dibuat dalam bentuk draf daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos(money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order) dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima. Hanya kontraktor yang telah mendaftar sahaja layak untuk membeli dokumen.
4. Dokumen akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor/pembekal yang sah dan berdaftar sahaja. Untuk maksud ini kontraktor/pembekal hendaklah membawa dokumen asal Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Suruhanjaya Syarikat Malayisa (SSM), bagi pendaftaran baru di sistem 'eperolehan' MBIP.
5. Petender - petender yang berminat boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di talian 07-5555101/5108 atau emel ke pengurusanharta@mbip.gov.my untuk sebarang pertanyaan lanjut.

6. Setiap tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2)** sampul surat berlakri (sealed).
 - Sampul surat **PERTAMA - CADANGAN KEWANGAN**
 - Sampul surat **KEDUA - CADANGAN TEKNIKAL**
7. Pada sampul surat **PERTAMA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN KEWANGAN** manakala pada sampul surat **KEDUA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN TEKNIKAL**.
8. Petender **tidak dibenarkan** meletak sebarang nama, tanda atau logo syarikat pada **CADANGAN TEKNIKAL**.
9. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan **CADANGAN TEKNIKAL** bolehlah dihantar bersama dengan **CADANGAN KEWANGAN**.
10. Kedua - kedua sampul tersebut (PERTAMA dan KEDUA) kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di Unit Perolehan, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai sebelum atau pada tarikh **22.02.2021** **jam 12.00 tengah hari**

(DATO' HAJI SALEHUDDIN BIN HAJI HASSAN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri